

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK LIEW VUI KEONG  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN HAL EHWAL PARLIMEN)**

**MAJLIS RAMAH MESRA YB MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI  
BERSAMA WARGA KLUSTER PENGURUSAN KEHAKIMAN DAN  
PERUNDANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

**18 JUN 2019 (SELASA)**

**LOBI DAN LAMAN HIJAU BHEUU**

**Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku.**

Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa Maidin

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

(Undang-Undang dan Hal Ehwal Parlimen)

Yang Berbahagia Dato' Junaidah Kamarruddin

Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Datuk Haini Hassan

Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman

Yang Berbahagia Dato' Anas Ahmad Zakie

Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Anita Haji Harun

Ketua Pengarah Insititut Latihan Kehakiman dan Perundangan

Yang Berusaha Tuan Ahmad Terrirudin Mohd Salleh

Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

Para jemputan dan tetamu-tetamu yang diraikan.

1. Bersyukur kita kerana pada hari ini kita diberi kesempatan bersama-sama berkumpul sempena Majlis Ramah Mesra Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri Bersama Warga Kluster Pengurusan Kehakiman dan Perundangan Jabatan Perdana Menteri. Sekitar seribu (1,000) warga kerja melibatkan lapan agensi di bawah kluster Pengurusan Kehakiman dan Perundangan yang telah bersama-sama hadir memeriahkan majlis kita pada hari ini.

2. Sempena sambutan Hari Raya ini, kita dapat berkumpul dan merapatkan lagi silaturrahim sambil menikmati juadah yang disediakan. Kita juga dapat mengukuhkan semangat kekeluargaan dan perpaduan sesama kita dalam melaksanakan tugas di bawah satu kluster. Perpaduan dan kerjasama sangatlah penting bagi menentukan keharmonian agensi dalam menghadapi segala cabaran dalam melaksanakan tugas seharian.

3. Suka saya ingatkan dalam kita bergembira di hari perayaan ini, usahlan kita lupa tentang tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Kerajaan kepada kita. Saya menyeru kepada seluruh warga kerja Kluster Pengurusan Kehakiman dan Perundangan agar sentiasa bekerja

bersungguh-sungguh, memperkukuhkan nilai integriti, rajin dan bertanggungjawab dalam melaksanakan setiap amanah yang diberi. Apa jua tanggungjawab yang diamanahkan, kita perlu lakukan sebaik mungkin agar rakyat yang berurusan dengan kita berpuas hati dengan perkhidmatan yang kita berikan kepada mereka.

4. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap panjang pada pagi ini memandangkan juadah yang telah terhidang di hadapan mata telah menunggu kita. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan “Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin”. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada hadirin sekalian yang sudi meluangkan masa untuk sama-sama memeriahkan majlis ini dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat untuk menjayakan majlis ini.

5. Di akhir kata, ingin saya menyampaikan serangkap pantun,

**Ketupat rendang dihidang sama**  
**Untuk santapan di pagi raya**  
**Aidilfitri disambut bersama**  
**Semangat perpaduan dikecapi semua**

**Sekian, terima kasih.**